



KEMENTERIAN KERJA RAYA

# KENYATAAN MEDIA

## MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) PROJEK PEMBINAAN PENJARA SIBU, SARAWAK

**KUALA LUMPUR** - Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi hari ini menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bagi Projek Pembinaan Penjara Sibul, Sarawak, satu projek infrastruktur strategik di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang bertujuan memperkukuh aspek keselamatan dan pemulihan negara.

2. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Binaan), YBhg. Dato' Ir. Ibrahim bin Esa; Pengarah Cawangan Kerja Keselamatan, Ibu Pejabat JKR Malaysia, YBrs. Ir. Hurolaine binti Che Ab Aziz; Pegawai Bahagian Pembangunan KDN, Muhamad Zamzuri bin Zulkifli; dan Pengarah Pembangunan Dan Perolehan Ibu Pejabat Penjara Malaysia, YBrs. Encik Kamarul Arifin bin Abdul Aziz.

3. Projek bernilai RM275.33 juta ini akan dilaksanakan secara kaedah Reka dan Bina dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2029.

4. Pembinaan Penjara Sibul ini bertujuan menggantikan penjara sedia ada yang telah berusia lebih 100 tahun, selain menyokong pelaksanaan Program Pemulihan Insan yang lebih menyeluruh dan berkesan melalui penyediaan fasiliti moden serta persekitaran yang kondusif.

5. Penjara baharu ini direka untuk menampung kapasiti sehingga 1,000 prospek, sekali gus dijangka dapat:

- Mengurangkan kadar residivisme sebanyak 2.38% (daripada 14.38% kepada 12%);
- Mengurangkan kesesakan banduan di Penjara Negeri Sarawak sehingga 19% melalui pemindahan prospek ke Penjara Sibul; dan
- Meningkatkan tahap kesiapsiagaan kakitangan penjara, dengan *response time* dijangka meningkat sebanyak 29% kepada 75%, hasil penyediaan kuarters yang mencukupi dalam kompleks penjara.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

6. Sepanjang tahun 2025, JKR Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 17 Surat Setuju Terima (SST) bernilai RM292.8 juta bagi pelaksanaan pelbagai projek di bawah KDN, mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh infrastruktur keselamatan negara.
7. Penyiapan projek Penjara Sibul ini dijangka memberi manfaat besar kepada Institut Penjara Malaysia dalam melaksanakan fungsi pemulihan secara lebih efektif, membentuk insan yang produktif serta menyokong integrasi semula prospek ke dalam masyarakat.
8. Kementerian Kerja Raya (KKR) dan JKR Malaysia kekal komited dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur awam yang berkualiti, selari dengan agenda transformasi serta aspirasi Kerajaan MADANI demi kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara.

#Tamat#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**3 FEBRUARI 2026**

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja